

## **EUTOPIA NOVEL *BALDATUN THOIYYIBATUN* DARI PERSPEKTIF TEORI KONSEPTUAL KATA KUNCI**

*(EUTOPIA IN 'BALDATUN THOIYYIBATUN' FROM THE  
PERSPECTIVE OF THE CONCEPTUAL KEYWORD THEORY)*

**Adib Zakwan Al-Qayyum Shahbuddin**

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara  
Malaysia  
adibzakwanalqayyum@uitm.edu.my

**Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali**

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
Malaysia  
inmarlin@um.edu.my

**Mardian Shah Omar**

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
Malaysia  
mardianso@um.edu.my

**Nurul Ain Razali**

Berita Harian, Singapura  
nurulainraz@gmail.com

Received: 9 August 2019; Accepted: 9 November 2020

### ***Abstract***

*Eutopia refers to being in a good place futuristically as compared to dystopia which supposes a gloomy future. The futuristic style of writing, which can discuss the state of eutopia, is one of the genres that currently exists within the literary world. As this particular genre is relatively new in Malay literature, this paper, therefore, applied the Conceptual Keyword Theory by Mohamad Mokhtar Hassan (2007) towards highlighting futuristic concepts put forth in the novel 'Baldatun Thoiiyyibatun (2011)' written by Kamaludin Endol or better known as Pelita Di Dalam Kaca and published by Pustaka Kanzun Mahfiyyan. The concept of futuristic utopia that is eutopian or being in a good future highlighted by the author was analysed because the novel has been chosen as the blueprint for futuristic writing in Malaysia. Concepts on futurism were derived from definitions in dictionaries, Vieira (2010) and Mohamad Saleeh Rahamad (2019). This study has two objectives – to identify and analyse relevant focus words and conceptual keywords with regards to the concept of futurism by the author in 'Baldatun Thoiiyyibatun'. The methodology employed is qualitative through the process of extracting keywords related to the concept of futuristic utopia (eutopian). This study has successfully viewed the concept through the perspective of the author. Results showed that the eutopian concepts held by the author were largely influenced by his religious upbringing, specifically involving Islam and his ethnic identity as Malay. In*

*conclusion, the blueprint for eutopian writing in Malaysia encompasses different components such as politics, economy, society, development, education, language and Islam.*

**Keywords:** *Utopia (Eutopia) futuristic, author, Baldatun Thoiiyibatun novel, Conceptual keyword theory.*

### Abstrak

Eutopia ialah futuristik atau utopia yang baik berbeza dengan distopia, iaitu futuristik yang merujuk kepada masa hadapan yang buruk. Futuristik merupakan salah satu genre yang wujud dalam dunia kesusasteraan. Sastera futuristik merupakan bidang yang masih hijau dalam kesusasteraan Melayu. Kajian ini mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2007) untuk memperlihatkan konseptual futuristik pengarang dalam novel *Baldatun Thoiiyibatun* (2011) oleh Pelita Di Dalam Kaca, iaitu Kamaludin Endol yang diterbitkan oleh Pustaka Kanzun Mahfiyyan. Konseptual futuristik utopia (umum) yang bersifat eutopia, iaitu utopia yang baik pengarang dipilih kerana novel ini telah diangkat sebagai panduan (bluprin) bagi karya futuristik di Malaysia. Konsep futuristik yang digunakan adalah melalui pembacaan kamus, Vieira (2010) dan Mohamad Saleeh Rahamad (2019). Terdapat dua (2) objektif dalam kajian ini. Objektif kajian yang pertama adalah untuk mengenal pasti kata fokus dan kata kunci konseptual futuristik pengarang dalam novel *Baldatun Thoiiyibatun*. Objektif yang kedua pula adalah untuk menganalisis kata fokus dan kata kunci futuristik eutopia yang telah dikenal pasti dengan cara mengekstrak kata-kata tersebut daripada pembacaan novel *Baldatun Thoiiyibatun*. Metodologi kajian ini pula menggunakan kaedah kualitatif, iaitu pemerolehan data melalui pengekstrakan kata kunci yang berkaitan Konseptual Futuristik Utopia (Eutopia) pengarang dalam novel tersebut. Kajian ini berjaya melihat konseptual futuristik eutopia dari perspektif pengarang. Kajian mendapati bahawa pengaruh konseptual futuristik eutopia pengarang, sebahagian besarnya banyak dipengaruhi oleh latar belakang kehidupan beragamanya, iaitu agama Islam dan bangsanya sendiri, iaitu Melayu. Kesimpulannya, bluprin futuristik eutopia di Malaysia dapat disimpulkan mempunyai aspek politik, ekonomi, sosial, pembangunan, pendidikan, bahasa dan agama Islam.

**Kata kunci:** *Futuristik Utopia (Eutopia), pengarang, novel Baldatun Thoiiyibatun, Teori Konseptual Kata Kunci.*

### Pengenalan

Karya novel futuristik atau utopia di Malaysia ini dapat dilihat perkembangannya seawal tahun 1970-an. Genre fiksyen sains futuristik atau utopia ini pernah diangkat dalam Hadiah Sastera Perdana 2010/2011 sebagai pemenang kategori novel futuristik hasil karya Kamaludin Endol dengan nama penanya Pelita di Dalam Kaca (PDDK) dengan novelnya *Baldatun Thoiiyibatun* [BT] (2011). Kejayaan pengarang dalam menzahirkan utopia dalam novel tersebut memperlihatkan bahawa novel ini merupakan novel futuristik (S.M Zakir, 2019, p. 17). Mutakhir abad ke-21, karya fiksyen sains utopia atau futuristik ini dilihat semakin berkembang terutamanya pada tahun 2018 dalam Sayembara Penulisan Novel Futuristik GAPENA-DBP 2018. Mohamad Saleeh Rahamad (2019, p. 9) telah memperincikan makna dan ciri-ciri utopia mengikut kehendak Gabungan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), khususnya dalam sayembara tersebut. Novel utopia juga menjadi fenomena apabila novel karya S.M. Zakir, iaitu *Ikarus* (2018) berjaya menggambarkan kejatuhan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang

berlangsung pada 9 Mei 2018. Novelnya juga menjadi antara buku terlaris di Malaysia sempena Pameran Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PABKL) pada 27 April hingga 6 Mei 2018 seperti yang dipetik akhbar dalam talian Utusan Online (Sahidan Jaafar, 2018).

Penggunaan istilah futuristik utopia ini diambil daripada hasil karya novel Sir (Saint) Thomas More yang bertajuk *Utopia* pada tahun 1516, seterusnya meletakkan novel *Utopia* ini menjadi pelopor atau perintis kepada genre utopia. Namun, genre utopia terawal yang diketahui terkenal bukanlah novel *Utopia* itu sendiri, tetapi *The Republic* karya Plato dalam tahun 380 sebelum Masihi (s.m.).

Tidak semua fiksyen sains atau *science fiction* (SF) merupakan karya utopia. SF juga boleh dikategorikan dalam karya semasa. Hanya karya SF yang berkaitan masa hadapan sahaja dilihat sebagai karya futuristik (utopia). Ideologi karya SF futuristik (utopia) menurut Barat selalunya didasari oleh idea komunis atau sosialis untuk mencapai cita-cita idealnya. Konsep utopia yang digunakan dalam menilai novel ini adalah melalui pembacaan kamus, konsep utopia Vieira (2010) dan konsep utopia Mohamad Saleeh Rahamad (2019). Terdapat perbezaan antara futuristik (utopia), eutopia dan distopia. Utopia dalam kesusasteraan menceritakan tentang masa hadapan yang bersifat umum dan boleh dibahagikan kepada utopia yang baik (positif) dan utopia yang buruk (negatif). Pembahagian ini telah lama wujud, iaitu eutopia tempat yang baik seperti yang telah diceritakan dan sebaliknya distopia merupakan tempat yang buruk.

Utopia dari segi etimologinya dalam Online Etymology Dictionary bermaksud “1551, from Modern Latin *Utopia*, literally ‘nowhere’ coined by Thomas More (and used as title of his book, 1516, about an imaginary island enjoying the utmost perfection in legal, social, and political systems), from Greek *ou* “not” + *topos* “place” (Utopia, Online Etymology Dictionary [OED], nd.). Hal ini menunjukkan bahawa makna asal utopia yang difahami pada awalnya ialah ‘tiada tempat’ atau ‘tidak wujud’ ini berkaitan Pulau Utopia yang tidak wujud yang digambarkan oleh Sir (Saint) Thomas More mengenai kehidupan yang hampir sempurna. Perkataan utopia kini yang difahami oleh masyarakat umum sebenarnya ialah eutopia. Eutopia menurut *Online Etymology Dictionary* ialah “Extended to any perfect place by 1610s. Commonly, but incorrectly, taken as from Greek *eu-* “good” (see *eu-*) an error reinforced by the introduction of *dystopia* (by 1844). On the same model, Bentham had *cacotopia* (1818)” (Utopia, OED, n.d.). Distopia pula menurut *Online Etymology Dictionary* ialah “‘imaginary bad place,’ 1952, from *dys-* ‘bad, abnormal’ + ending abstracted from *utopia*. ... introduction of *dystopia* (by 1844). On the same model, Bentham had *cacotopia* (1818)” (Distopia, OED, n.d.).

Novel *Baldatun Thoiiyibatun* merupakan novel berunsur futuristik yang diperakui oleh panel penilai dalam Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana, iaitu Dato’ Hashim Awang, Hamzah Hamdani dan Mohamad Saleeh Rahamad (“Laporan panel hadiah sastera perdana”, 2013). Oleh itu, pengkaji melihat konseptual pengarang terhadap konsep futuristik atau utopia khususnya eutopia dalam novel melalui kata fokus dan kata kunci. Kata fokus merupakan kata yang dipilih dan difokuskan untuk melihat konsepsi kata kunci mengikut kefahaman seseorang pengarang. Kata kunci pula merupakan kata yang mengelilingi kata fokus. Pengkaji mendapati bahawa pengestrakan konsep futuristik pengarang amat memberi manfaat terhadap penulisan karya utopia dan khususnya eutopia Malaysia yang mendatang.

## Permasalahan dan Kepentingan Kajian

Kajian mengenai SF utopia masih mentah khususnya dalam penyelidikan kesusasteraan tanah air. Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana pada tahun 2013 telah mengangkat novel *Baldatun Thoiiyibatun* ini sebagai landasan SF Futuristik dalam karya novel Malaysia. Oleh itu, amat penting bagi pengkaji melihat kata kunci yang menjadi konsep dalam karya sastera futuristik di Malaysia. Pengkaji juga mendapati kajian mengenai SF Futuristik seperti ini kurang diberi perhatian dalam kalangan pengkaji sastera di Malaysia khususnya aspek eutopia dalam utopia pengarang.

Kajian utopia khususnya mengenai konseptual eutopia terhadap novel *Baldatun Thoiiyibatun* ini juga belum pernah dilakukan oleh pengkaji lain. Kajian mengenai novel *Baldatun Thoiiyibatun* pada ketika ini juga masih belum dikaji oleh badan-badan rasmi pusat kajian. Namun, kajian terhadap novel ini pernah dilakukan dalam tapak web *Overblog* oleh Rohayati Junaidi pada tahun 2014. Selain itu, dalam kajian utopia pengarang telah menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci masih belum pernah dilakukan khususnya karya kesusasteraan di Malaysia. Antara pengkaji yang menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci dalam kajian mereka ialah Raja Rajeswari Seetha Raman (2015) dan Zalilah Zainudin (2007). Oleh itu, kajian mengenai utopia diperlukan untuk memperbanyakkan hasil kajian mengenai futuristik dalam karya.

Kesimpulannya, penggunaan teori khususnya Teori Konseptual Kata Kunci juga belum pernah diaplikasikan dalam konseptual selain contoh yang diberikan dalam buku teori tersebut. Kajian-kajian terdahulu atau yang sedia ada mengenai teori ini sangat tegar dalam mengaplikasikan contoh konseptual yang hanya ada dalam buku teori tersebut. Melalui kajian yang dijalankan ini, iaitu mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci dengan memfokuskan konseptual pengarang terhadap konsep utopia khususnya eutopia adalah wajar dilakukan. Pengekstrakan kosa kata, iaitu kata fokus dan kata kunci penting dalam penggunaan teori ini untuk memperlihatkan ciri-ciri eutopia dalam novel tersebut.

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- 1) Mengenal pasti kata fokus dan kata kunci futuristik eutopia dalam novel *Baldatun Thoiiyibatun*.
- 2) Menganalisis kata fokus dan kata kunci futuristik eutopia dalam novel *Baldatun Thoiiyibatun*

## Sorotan Kajian

Dalam bahagian ini, kajian lepas yang disorot ialah mengenai penggunaan Teori Konseptual Kata Kunci dan kajian yang menggunakan novel *Baldatun Thoiiyibatun* sebagai bahan kajian. Terdapat hanya sebuah kajian mengenai novel *Baldatun Thoiiyibatun* oleh Rohayati Junaidi (2013). Kajian yang bertajuk “*Menuju ke arah Kesempurnaan Agama dalam novel Baldatun Thoiiyibatun Warabbun Ghafuur*” adalah untuk mengenal pasti pengaplikasian oleh pengarang tentang konsep-konsep Islam dalam karya, menganalisis karya untuk melihat pemikiran pengarang dalam karya bagi menggambarkan karya berunsur Islam dan menilai teknik dan keindahan dalam karya menggunakan Teori Takmilah. Dapatan kajiannya

menunjukkan bahawa novel tersebut didasari ketauhidan, iaitu mentauhidkan Allah kerana menerapkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunah untuk membimbing pembaca menjadi seorang Islam yang sempurna. Dapatan kajian juga menunjukkan novel tersebut sarat dengan nilai-nilai agama Islam dalam kehidupan manusia di Kota Cahaya. Dalam aspek kelemahan isi novel pula, pengarang telah mengabaikan keindahan daripada sudut gaya bahasa kesusasteraan. Berbeza dengan kajian sekarang ini, novel kajian dianalisis menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci dan penelitian tidak tertumpu hanya kepada perkara keagamaan sahaja kerana melihat aspek pemikiran pengarang dalam merangka konsep novel berbentuk futuristik eutopia.

Kajian mengenai fiksyen sains futuristik yang pernah dilakukan oleh Misran Rokimin (2009) ialah untuk menganalisis novel remaja ini menggunakan Teori Perulangan Sejarah yang dipelopori oleh Ibnu Khaldun dan *Classic Cyclical Theory* (Teori Perulangan Klasik) oleh tokoh barat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa umat Islam perlu menyemai rasa cinta terhadap agama dan bangkit dari kejatuhan Islam sejak 100 tahun yang lalu. Kesedaran tersebut penting dalam Teori Perulangan Sejarah supaya masyarakat Islam dapat bangkit untuk menjadikan negara Islam sebagai negara yang disegani seperti dahulu. Kajian ini juga melihat futuristik dari sudut menghidupkan sejarah lalu pada masa hadapan, iaitu dengan melihat novel tersebut mampu memberi pengajaran dan membangkitkan semangat cinta akan agama berlandaskan sejarah lalu. Hal ini berbeza dengan pengkaji kerana tujuan utama kajian ialah melihat aspek kata fokus dan kata kunci dalam sesebuah novel futuristik eutopia dan tidak terhad kepada agama sahaja.

Nasir, H., & Sintang, S. (2018) juga telah meneliti sudut pandangan futuristik oleh ahli futuristik Muslim kontemporari, iaitu Ziauddin Sardar pada tahun 1988. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks mengenai idea dan gagasan pemerintahan Perdana Menteri, iaitu Wawasan 2020 era Tun Dr. Mahathir Mohamad, agenda Islam Hadhari era Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Gagasan 1 Malaysia melalui program Transformasi Malaysia era Najib Tun Razak. Beliau mendapati wujudnya unsur futuristik mengenai peradaban Islam di Malaysia melalui rancangan atau strategi yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia terdahulu. Tujuannya ialah melahirkan masa depan agama Islam yang lebih baik di Malaysia, iaitu negara masyarakat Melayu yang progresif dan kukuh dengan nilai-nilai Islam. Perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji ialah kajian ini menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci untuk melihat konseptual futuristik pengarang dan kata kunci futuristik dalam novel, sedangkan hasil kajian kedua-dua pengkaji tadi menggunakan pendekatan analisis teks menurut fahaman futuristik Sardar.

Brady (2014) pula telah mengkaji penggambaran utopia dan bentuk naratif ruang (*depictions of utopia and their spatialized narrative forms*) dengan menggunakan tiga teks berpengaruh dalam utopia dan dianggap sebagai novel pascamoden, iaitu oleh John Brunner dalam novelnya *Stand on Zanzibar* (1968), Ursula K. Le Guin dalam novelnya *Always Coming Home* (1985), dan David Mitchell dalam bukunya *Cloud Atlas* (2004). Beliau cuba membuktikan bahawa kesusasteraan pascamoden berkesinambungan dengan kesusasteraan moden atau hanya sebagai alternatif kesusasteraan moden. Beliau berpendirian bahawa fiksyen sains futuristik ini merupakan genre sejarah kerana penulisan tersebut mewakili masyarakat dalam dunia yang hanya boleh berlaku mengikut panduan sejarah sahaja. Berbeza dengan kajian pengkaji yang menggunakan novel tempatan, iaitu *Baldatun Thoiiyyibatun* dan penerapan Teori Kata Kunci yang mempunyai tujuan yang amat berbeza dengan kajian Brady.

Bouet (2013) telah meneroka gambaran hubungan antara utopia dan ideologi dengan cara melihat kepada metafora ‘tembok’ dalam fiksyen sains utopia dan distopia. Bahan kajian

yang digunakan adalah novel futuristik Ursula K. 23 Le Guin, iaitu novel *The Dispossessed*, George Orwell, iaitu novel *Nineteen Eighty-Four (1984)* dan Strugatsky Bersaudara dengan novelnya *Roadside Picnic*. Beliau mengkaji unsur futuristik sebagai ideologi perubahan dengan menggambarkan kebarangkalian utopia dan ‘tembok’ yang berfungsi sebagai penghalang segala perubahan dan meniadakan harapan-harapan yang mendorong utopia. Pada masa yang sama, keinginan watak-watak untuk mendapatkan semula kemanusiaan dan memusnahkan tembok ideologi inilah yang memberikan harapan dan membuka utopia dalam novel. Berbeza dengan kajian pengkaji, pengkaji melihat futuristik eutopia dalam novel pilihan berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci, manakala Boet melihat dari sudut ideologi penulis dengan menggunakan gambaran “*wall*” atau metafora sebagai asas kajian.

Seterusnya, Gulick (1991) meneliti empat genre novel yang dibangunkan dalam novel *The Handmaid’s Tale*. Genre yang terdapat dalam novel tersebut adalah utopia, distopia, utopia terbuka dan kesusasteraan utopia feminis. Dalam kajiannya, unsur distopia terhadap penindasan wanita merupakan unsur yang sangat memberi kesan dan dramatik yang mempengaruhi keseluruhan cerita. Dalam kajian beliau, beliau menggunakan analisis teks dengan mengeluarkan kata-kata yang dianggap menjatuhkan martabat wanita. Aspek ini dilihat hampir sama dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, iaitu melihat aspek kata-kata pengarang dalam membina konsep futuristik dalam novel. Sebaliknya, terdapat perbezaan dalam aspek novel yang dikaji oleh pengkaji, iaitu novel dan teori khusus yang digunakan dalam kajian ini.

Raja Rajeswari Seetha Raman (2015) pula mengkaji berkaitan cerpen-cerpen Anwar Ridhwan menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci untuk menganalisis konseptualisasi Anwar Ridhwan tentang konsep kepimpinan, konsep kemiskinan dan konsep perjuangan melalui kata kunci dan simbol. Hasil kajian beliau membincangkan konseptual pengarang terhadap konsep kemiskinan, kepimpinan, dan perjuangan serta konsep simbol menggunakan konseptual kata kunci. Terdapat perbezaan antara kajian ini dengan kajian pengkaji, iaitu pengkaji hanya melihat konseptual pengarang terhadap konsep futuristik sahaja.


Zalilah Zainudin (2007) dalam *Konseptual-Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen-cerpen Karya Keris Mas* meneliti konsep perjuangan, konsep kemiskinan dan konsep kepimpinan dalam karya Keris Mas menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci. Setiap kata kunci yang menggambarkan konsep perjuangan, konsep kemiskinan dan konsep kepimpinan telah dianalisis. Beliau meneliti perubahan masa, persekitaran, iaitu masyarakat atau sosial termasuk politik, usia dan faktor-faktor lain mempengaruhi konsepsi Keris Mas dalam membahaskan tentang sesuatu konsep. Kajian beliau menggunakan teori yang sama seperti kajian yang dilakukan oleh pengkaji, tetapi beliau tidak memfokuskan perbincangan mengenai konsep futuristik dalam karya.

Kajian-kajian di dalam dan luar negara yang telah dibincangkan tadi didapati berbeza dengan kajian ini kerana pendekatan yang digunakan untuk menganalisis novel. Teori Konseptual Kata Kunci digunakan oleh pengkaji sebagai teori asas untuk mengekstrak kata fokus dan kata kunci futuristik atau eutopia dalam novel *Baldatun Thoiyyibatun*. Pengkaji juga menjalankan temu bual bersama pengarang novel ini untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitannya. Pengkaji bukan sahaja melihat konseptual kata kunci melalui kata tersirat perkataan semata-mata, tetapi aspek dalaman perkataan yang menjadi kata kunci kepada konsep futuristik eutopia pengarang.

## Teori Konseptual Kata Kunci

Rajah 1 menunjukkan aliran carta aplikasi teori yang dibina dalam kajian ini berdasarkan buku *Teori Konseptual Kata Kunci*. Rajah dibina bagi menjelaskan Teori Konseptual Kata Kunci yang digunakan dalam kajian ini dalam menganalisis teks kajian. Kajian ini berfokus kepada pengaplikasian teori yang tertumpu kepada pengekstrakkan kata fokus dan kata kunci mengenai eutopia.

Rajah 1: Model Teori Konseptual Kata Kunci



Rajah di atas menerangkan berkaitan Model Teori Konseptual Kata Kunci. Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2007), Teori Konseptual Kata Kunci ini masih lagi dalam proses awal untuk menjadi satu teori yang kukuh. Secara umumnya, teori ini mentafsir konseptual dan kata kunci pengarang dalam penghasilan karya sastera untuk memberikan kefahaman kepada pembaca. Terdapat tiga bahagian dalam kajian teori ini, iaitu konseptual dan pengarang, kata kunci dan pemilihan kata serta karya dan kesan.


Kesimpulannya, Teori Konseptual Kata Kunci akan digunakan dalam mengkaji konseptual atau ideologi pengarang dalam membina konsep eutopia dalam novel tersebut. Analisis kajian akan menyentuh kata fokus dan kata kunci futuristik eutopia menggunakan teori dan diekstrak daripada novel tersebut.

## Definisi Konseptual

Bahagian ini akan menerangkan berkaitan definisi konseptual, kata fokus, dan kata kunci dengan lebih terperinci. Kata Fokus pengarang boleh terdiri daripada Konseptual Pengarang dan atau Kata Kunci. Contohnya, konseptual pengarang mengenai futuristik boleh menjadi

kata fokus dan dikelilingi kata-kata kunci pengarang. Kata Kunci yang menjadi kata fokus juga boleh mempunyai kata-kata kunci yang mengelilinginya.

Rajah 2: Pemilihan Kata




Berdasarkan rajah di atas, konseptual merupakan konsepsi yang ada pada setiap individu. Setiap individu mempunyai konsepsinya tersendiri. Mohamad Mokhtar Hassan (2007, p. 78) mengatakan bahawa konsepsi ini terdiri daripada sesuatu idea, perkara, hal, objek dan sebagainya. Konsepsi ini berasal daripada bahasa Inggeris, iaitu ‘*conception*’, daripada “*notion*” dan “*idea*” (Mohamad Mokhtar Hassan, 2007, p. 78). Konsepsi antara seseorang individu dengan individu yang lain boleh mempunyai persamaan atau sebaliknya. Kefahaman terhadap konsepsi seseorang itu bergantung kepada latar belakang kehidupannya. Konsepsi seseorang juga boleh berubah sesuai dengan peningkatan umur atau peredaran zaman. Oleh itu, dalam penulisan karya, konsep konsepsi boleh dilihat daripada penggunaan kata-kata yang digunakan dalam karya sastera (Mohamad Mokhtar Hassan, 2007, p. 79). Kata-kata yang dijumpai dalam karya ini akan dinamakan sebagai kata kunci.

### **Pemilihan Kata: Kata Fokus dan Kata Kunci**

Rajah 3 menunjukkan gambaran kata fokus dan kata kunci yang digunakan pengarang dalam menzahirkan konseptual mengenai sesuatu perkara. Kata fokus merupakan kata yang menjadi idea dan dikelilingi oleh kata kunci.



Rajah 3: Kata Fokus dan Kata Kunci




Dalam bahagian kata kunci dan pemilihan kata pula, setiap kata-kata mempunyai kata kuncinya tersendiri. Kata kunci ini dilihat memaparkan suatu nilai budaya dan nilai masyarakat sesuatu bahasa (Mohamad Mokhtar Hassan, 2007, p. 80). Anna Wierzbicka (1991, p. 33) berkata bahawa “*cultures and society can be revealingly studied, compared, and explained to outsiders through their keywords*”. Hal ini boleh difahami bahawa sesuatu budaya dan masyarakat itu boleh dikaji, dinilai dan diterangkan kepada masyarakat melalui kata kunci yang digunakan.

Konseptual pengarang boleh dilihat melalui kata fokus pengarang dan kata kunci yang mengelilingi kata fokus. Kata Fokus merupakan kata yang dipilih dan difokuskan untuk melihat konsepsi kata tersebut mengikut kefahaman seseorang pengarang. Untuk mendapatkan dan memahami konsepsi pengarang tersebut, kita hendaklah mengetahui kata kunci yang mengelilingi kata fokus tersebut. Contohnya, untuk mengetahui konseptual futuristik pengarang, futuristik menjadi kata fokus dan kefahaman pengarang mengenai futuristik yang merupakan kata kuncinya. Begitu juga Futuristik Distopia, Distopia menjadi kata fokus, dan kefahaman mengelilingi distopia merupakan kata kunci pengarang. Selepas mengetahui kata kunci kepada kata fokus pengarang, barulah pengkaji memahami konseptual (kata fokus) mengenai kata distopia pengarang.

### **Konsepsi Pengarang: Karya dan Kesan**

Rajah 4 menunjukkan aliran bacaan yang boleh memberi kesan kepada pembaca, iaitu bacaan mengenai latar belakang pengarang, diikuti dengan karya pengarang. Kesan kepada pembaca merujuk kepada kefahaman pembaca terhadap latar belakang pengarang supaya mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang dapat difahami dengan jelas.

Rajah 4: Pengarang, Karya dan Khalayak



Konsepsi pengarang akan memberi kesan kepada pembaca. Konsepsi yang dibawa oleh pengarang akan difahami oleh pembaca atau sebaliknya. Kadangkala, kefahaman sesuatu konsepsi oleh pengarang dan pembaca adalah berbeza. Oleh itu, untuk memahami konsepsi pengarang, pembaca perlulah mengetahui latar belakang pengarang dan meneliti kata kunci yang digunakan dalam karya pengarang (Mohamad Mokhtar Hassan, 2007).

### Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data kualitatif diperoleh melalui pembacaan makna konsep futuristik diperingkat tempatan dan antarabangsa. Analisis terhadap novel *Baldatun Thoiiyibatun* dilakukan untuk mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci. Kajian ini mengekstrak kata fokus dan kata kunci futuristik eutopia dalam novel untuk memahami konsep futuristik eutopia pengarang dalam novel. Selepas itu, pengkaji akan dapat melihat kata fokus dan kata kunci pengarang dalam novel yang menjadi konsep futuristik eutopia pengarang. Pengkaji juga akan menyenaraikan hasil temu bual bersama pengarang novel mengenai konsep futuristiknya dalam novel *Baldatun Thoiiyibatun* secara dalam talian. Akhir sekali, pengkaji menganalisis dengan menghubungkaitkan aspek kata fokus dan kata kunci pengarang dalam temu bual dengan contoh ayat dan perkataan berkaitan eutopia dalam novel, sama ada dalam aspek luaran (zahir) atau dalaman kata yang menjadi konseptual eutopia pengarang dalam novel ini.

### Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji menganalisis beberapa perkara berkaitan dengan pemerolehan definisi konsep utopia khususnya dengan cara melihat hasil temu bual dengan pengarang dan analisis teks untuk melihat dapatan berkaitan konsep eutopia dan pengkestrakan kata fokus dan kata kunci eutopia menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci.

Hasil temu bual dengan pengarang, konsep futuristik atau utopia beliau secara umumnya tidak merujuk sebarang konsep futuristik atau teori dalam mengarang karyanya. Beliau dipengaruhi oleh aspek agama dalam mengarang novel *Baldatun Thoiiyibatun* ini. Pengarang juga memfokuskan pegangan Islam Ahli Sunnah wal-Jamaah (ASWJ) dan ilmu tasawuf. Tajuk novel ini sendiri memberi gambaran tersebut kerana *Baldatun Thoiiyibatun Warabbun Ghafuur, iaitu bermaksud "negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!"* (Surah.My, n.d.). Terjemahan ini merupakan terjemahan bahasa Melayu daripada ayat al-Quran juzuk ke-22, manzil ke-44, surah ke-34 (Surah Saba') ayat ke-15. Beliau mengimpikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam moden melalui ayat ini dan diabadikan sebagai tajuk dalam novelnya. Melalui hasil temu bual dengan pengarang novel, pengkaji dapat melihat unsur eutopia pengarang memainkan

peranan yang amat besar dalam membina konseptual utopia atau futuristiknya. Selain itu, unsur eutopia (utopia yang positif) yang diserapkan oleh pengarang banyak bersandarkan pegangan agama.

Novel *Baldatun Thoiiyibatun Warabbun Ghafuur (2011)* ini mempunyai 403 halaman. yang dibahagikan kepada 11 bab. Setiap bab menceritakan perjalanan hidup watak utama selama sebelas hari, iaitu pada 13 Ogos 2020 sehingga 23 Ogos 2020. Setiap bab dibahagikan kepada beberapa subtajuk dan rujukan nota kaki berlandaskan al-Quran dan kitab agama, Ihya Ulumuddin. Setiap bab mempunyai fokusnya yang tersendiri dan menyentuh pelbagai aspek. Daripada hasil analisis novel ini juga, pengkaji mendapati sememangnya unsur futuristik eutopia pengarang yang amat menitikberatkan masa hadapan berteraskan agama Islam.

Hasil takrifan futuristik atau utopia yang telah dilakukan oleh pengkaji pula memperlihatkan konsep utopia yang dilakukan oleh Vieira (2010). Beliau melihat konsep utopia daripada pensejarahan utopia itu sendiri, iaitu:

- (i) Gambaran mengenai masyarakat (contohnya ideologi masyarakat sempurna);
- (ii) Bentuk kesusasteraan yang memberikan gambaran utopia yang telah dibina (sangat tegar dalam memberi konsep utopia kerana tidak menganggap utopia daripada perspektif pengarang walaupun ditunjukkan secara jelas);
- (iii) Fungsi utopia yang memberi kesan terhadap pembaca untuk bertindak dalam membina utopia (namun konsep ini ditolak kerana hanya fokus kepada utopia politik); dan
- (iv) Keinginan untuk kehidupan yang lebih baik akibat pengalaman yang tidak menyenangkan seseorang individu dalam masyarakatnya (utopia ini dilihat dalam perkara mengenai sikap).


Konsep utopia tempatan yang digagaskan oleh Gabungan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) mengenai novel utopia telah disenaraikan oleh Mohamad Saleeh Rahamad (2019). Beliau menyatakan bahawa utopia memaparkan cerita imaginatif, spekulatif, produk membina budaya dan masyarakat, (ideologi), bersifat kognitif sederhana yang baik, mengandungi unsur nasionalisme dan patriotisme.

Rumusan daripada latar belakang pengarang, novel dan konsep utopia secara umum, pengkaji melihat pengarang sememangnya sudah mempunyai ideanya sendiri mengenai konsep utopia yang ingin dicipta dalam karyanya, iaitu pengaruh agama dan mempunyai keselarian dengan ciri-ciri utopia secara umum yang dikatakan oleh Vieira dan Saleeh Rahamad. Selan itu, dapatan ini juga telah memberikan satu hubung kait mengenai utopia yang baik (eutopia), konsep eutopia pengarang, dan penzahiran kata fokus dan kata kunci eutopia dalam novel ini. Hasil ini dapat menunjukkan penggambaran kata fokus dan kata kunci pengarang terhadap konsep futuristik (eutopia) dalam novel dan menjadi satu kepentingan untuk memahami ideologi seseorang pengarang atau sosok tubuh untuk melihat perkara yang dilakukan mengikut perspektif mereka. Perkara ini disokong oleh oleh Tawakkal, A., Awang Pawi, A., & Kaur, S. (2019) dalam kajiannya terhadap Jokowi yang bertajuk *Kajian Futuristik dan Hubungannya Dengan Pembangunan Peradaban Islam Di Malaysia*. Kajian ideologi yang menggunakan teori Raymond Williams ini menganalisis ideologi Jokowi melalui kempen beliau di Jawa, Sumatera. Data yang diambil melalui saluran *Youtube* dan *LiveTV* dianalisis secara kualitatif dan analisis kandungan. Kajian ideologi ini akhirnya berjaya disimpulkan pemikiran Jokowi untuk menjadikan Indonesia berdaya saing,


menaikkan kedudukan Indonesia di rantau Asia dan menjadikan Indonesia sebagai negara bebas prejudis dalam layanan sumber manusia.

Seterusnya, dapatan ini melihat kepada hubungan kata fokus, kata kunci dalam novel dengan informasi yang telah diterima melalui kajian mengenai konsep utopia melalui latar belakang pengarang dan novel. Rajah 5 berikut menunjukkan pembahagian pemilihan kata Eutopia dibahagikan dari segi kata fokus politik, ekonomi, sosial, pembangunan, pendidikan, bahasa dan agama Islam. Agama Islam pula mempunyai pembahagiannya lagi dari segi politik, ekonomi, sosial, pembangunan dan juga pendidikan. Agama Islam juga dilihat mempunyai pengaruh yang kuat kerana merangkumi segala aspek kehidupan. Oleh itu, dalam dapatan kajian ini hanya memfokus terhadap eutopia agama Islam dalam karya novel tersebut.

Rajah 5: Pemilihan Kata Eutopia



Rajah 6 memperlihatkan kata fokus dan kata kunci eutopia secara keseluruhan. Kata Fokusnya ialah 'eutopia' dan kata-kata kunci yang mengelilinginya adalah berkenaan 'politik', 'ekonomi', 'sosial', 'pembangunan', 'pendidikan', 'bahasa' dan 'agama Islam'. Agama Islam pula merupakan kata fokus kepada kata kuncinya tersendiri, iaitu kata kunci 'politik', 'ekonomi', 'sosial', 'pembangunan' dan 'pendidikan'. Pada masa yang sama, Kata Fokus tersebut dikelilingi oleh Kata Kunci pengarang mengenai sesuatu perkara atau konsep.




Rajah 6: Kata Fokus dan Kata Kunci Eutopia

Rajah 7 di bawah memperlihatkan kata fokus dan kata kunci agama Islam (eutopia). Kata fokus eutopia ‘agama Islam’ ini dikelilingi kata kunci dari segi ‘politik’, ‘ekonomi’, ‘sosial’, ‘pembangunan’, dan ‘pendidikan’. Oleh itu, fokus pengkaji dalam analisis ini akan tertumpu kepada eutopia agama Islam yang akan merangkumi setiap aspek kehidupan. Dapatan ini mendapati eutopia yang wujud dalam novel ini bukan sahaja meliputi aspek yang biasa kita lihat, iaitu politik, ekonomi, sosial, pembangunan, pendidikan, pendidikan, dan agama dalam satu subtopik kecil eutopia, tetapi menjadi satu subtopik utama kerana segala aspek eutopia wujud dalam beragama yang menjadikan aspek eutopia agama Islam ini sangat menarik untuk dilihat dan difokuskan dalam dapatan ini.


Rajah 7: Kata Fokus dan Kata Kunci Agama Islam (Eutopia)

Seterusnya Rajah 8 pula memperlihatkan kata fokus dan kata kunci politik Islam



(eutopia). Kata fokus eutopia ‘politik Islam’ ini dikelilingi kata kunci ‘sistem syuraa’, ‘membraiah’, ‘negara orang-orang takwa’, ‘al Quranlah perlembagaan’, ‘tamadun Melayu Islam’, ‘Madinah Kedua’, ‘Polis pencegah maksiat’, dan ‘prinsip Keadilan Ilahi’.

Rajah 8: Kata Fokus dan Kata Kunci Politik Islam (Eutopia)



Sebahagian kata-kata kunci mengenai politik Islam (eutopia) dikeluarkan dan dipersembahkan seperti di bawah:

“Datanglah ke Malaysia! Semoga saudara akan dapat melihat **Madinah Kedua**. Datanglah! Semoga saudara tidak kehilangan cahaya-Nya”

(*Baldatun Thoiiyibatun*, 2011, p. 7)

Dalam halaman 17, pengarang menyebut Malaysia menjadi Madinah Kedua, iaitu berkenaan dengan kepimpinan Islam dari segi politik di Malaysia. Situasi ini menggambarkan bahawa konsep futuristik yang baik (eutopia) pada masa hadapan dalam novel tersebut kerana Madinah memainkan peranan penting dalam sejarah Islam. Madinah merupakan kota suci umat Islam yang kedua selepas kota Makkah.

“ **Rasulullah SAW** sebagai sebaik-baik model ikutan untuk manusia telah memperkenalkan **sistem syuraa** ’ ”

(*Baldatun Thoiiyibatun*, 2011, p. 30)


Dalam halaman ini, pengarang menyebut pentadbiran di Malaysia menggunakan Rasulullah, iaitu tokoh Islam dan seorang nabi sebagai model ikutan. Dalam novel ini, ‘sistem syuraa’ (lebih tepat lagi sistem syura) telah digunakan di Malaysia, iaitu sistem bermesyuarat untuk mendapatkan kata putus dalam Islam. Sistem pentadbiran ini merupakan yang terbaik dalam agama Islam dan pengarang telah menggambarkan futuristik eutopia dapat direalisasikan dengan menggunakan pentadbiran Islam sebagai asas dalam politik negara.

Melalui kata fokus politik Islam dalam idea futuristik eutopia pengarang, kajian ini mendapati bahawa pengarang mengandaikan Malaysia pada tahun 2020 akan menjadi kota cahaya kedua selepas kota Madinah. Malaysia akan menggunakan sistem syura dalam pemilihan pemimpinnya. Selain itu, Malaysia yang digelar Kota Cahaya ini juga merupakan negara bagi seluruh umat Islam (orang yang bertakwa). Malaysia pada tahun tersebut

menggunakan perlembagaan Islam, iaitu perlembagaan al-Quran dan Keadilan Ilahi dalam prinsip perundangannya. Orang besar masjid juga digambarkan sebagai orang yang layak memegang kepimpinan utama dalam Kota Cahaya, Malaysia. Malaysia juga digelar Tamadun Melayu Islam dan anggota polis pada ketika itu juga berkuasa dalam mencegah maksiat mengikut panduan Islam. Jelaslah disini bahawa eutopia dalam politik negara amat dipengaruhi politik Islam dalam gambaran pengarang sebagai konsep futuristik beliau.

Dalam analisis Rajah 9, pengarang memperlihatkan kata fokus dan kata kunci ekonomi Islam (eutopia). Kata fokus eutopia ‘ekonomi Islam’ ini adalah daripada kata kunci ‘Muslim Hotel’.

Rajah 9: Kata Fokus dan Kata Kunci Ekonomi Islam (Eutopia)



Kata-kata kunci mengenai ekonomi Islam (eutopia) dikeluarkan dan dipersembahkan seperti di bawah.

“... dijalankan di **Muslim Hotel**, iaitu sebuah hotel bertaraf antarabangsa milik seorang jutawan Jepun....merupakan pengasas Islam di Nagoya”


(*Baldatun Thoiyyibatun*, 2011, p. 123)

Melalui kata fokus ekonomi Islam dalam idea futuristik eutopia pengarang, kajian ini mendapati bahawa pengarang mengandaikan pada tahun 2020 akan wujudnya hotel orang Islam bertaraf antarabangsa seperti di Nagoya, Jepun. Hotel tersebut digelar ‘Muslim Hotel’ (lebih tepat lagi Hotel Muslim) yang diasaskan oleh pengasas Islam di Nagoya, Jepun itu sendiri. Pengarang didapati bukan mengandaikan Islam itu mempengaruhi negaranya, malah berkembang ke negara-negara lain dalam konsep futuristik masa hadapannya.

Dalam analisis Rajah 10, pengarang memperlihatkan kata fokus dan kata kunci sosial Islam (eutopia). Kata kunci dalam analisis ini dilihat mempunyai kata-kata yang panjang. Kata kunci tersebut diikat dengan kata-kata lain dalam ayat untuk menampakkan fokusnya terhadap sosial dalam Islam. Kata yang digunakan oleh pengarang tidak semestinya pendek-pendek kerana penggunaan kata majmuk itu sendiri (yang merangkaikan dua atau lebih perkataan) dan diperkuatkan lagi dengan contoh yang telah ditunjukkan dalam kajian Raja Rajeswari (2015). Kata fokus eutopia ‘sosial Islam’ ini dikelilingi kata kunci mengenai kuliah dalam ‘program kuliah maghrib dan subuh’, mengenai masjid dalam kata kunci ‘sesak pada hari-hari Jumaat atau kebesaran’, ‘malam pergi masjid. Sembahyang’, mengenai buku bacaan dalam kata kunci Ihya Ulumuddin dan Fitrah dan Amanah’, mengenai masyarakat dalam kata

kunci ‘memudahkan pihak polis’, ‘pasukan sukarela mencegah maksiat’, ‘satu hati aqidah yang satu’, dan ‘rancangan-rancangan yang menarik’.

Rajah 10: Kata Fokus dan Kata Kunci Sosial Islam (Eutopia)



Antara kata-kata kunci mengenai sosial Islam (eutopia) dikarang ialah seperti di bawah, iaitu:

“... biasanya pada sekitar jam 11.00 pagi lagi para jemaah telah pun tiba. Bahkan ada yang lebih awal lagi.... Bukan di Masjid Perdana Cahaya ini sahaja fenomena ini terjadi, bahkan di mana-mana sahaja masjid utama di bandar-bandar utama, termasuk masjid di daerah-daerah, bahkan ada kalanya di desa-desa dan di kawasan-kawasan perumahan juga. Masjid seolah-olah menjadi kecil kerana menjadi tumpuan utama para jumaah – penuh **sesak** pada **hari-hari Jumaat**, atau pada **hari-hari kebesaran Islam**”

(*Baldatun Thoiiyibatun*, 2011, p. 62-63)

Dalam halaman ini, pengarang menggambarkan tempat ibadah, iaitu masjid di bandar atau di desa kesemuanya menjadi amat sesak apabila melakukan solat Jumaat dan hari kebesaran Islam. Masyarakat Islam mula ke masjid seawal jam 11 pagi. Jika waktu solat Jumaat pada jam 1 tengah hari, masyarakat Islam khususnya di Malaysia akan ke masjid dua jam awal untuk menunaikan ibadah tersebut.

**Rancangan-rancangan yang menarik**, menghidupkan kalbu dan mempertajamkan minda, mempertajamkan daya fikir, semangat dan daya juang...disiarkan pada waktu perdana... dipenuhi dengan tiupan hikmah tamsil dan ibarat, pedoman dan teladan, petunjuk dan hidayah oleh **ucapan, ceramah atau kuliah, forum isu semasa, perbahasan dan perdebatan** daripada orang-orang penting dalam mengemudi teraju Kota Cahaya”

(*Baldatun Thoiiyibatun*, 2011, p. 227)

Dalam halaman ini, pengarang menyebut aktiviti sosial masyarakat dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti keagamaan dan ilmiah. Rancangan televisyen pada waktu perdana atau




puncak akan menayangkan ucapan, ceramah, kuliah, forum dan pelbagai program keagamaan yang disertai oleh tokoh-tokoh di Malaysia termasuk pemimpin negara sendiri.

Melalui kata fokus sosial Islam dalam idea futuristik eutopia pengarang, kajian mendapati pengarang mengandaikan pada tahun 2020 di Malaysia, masjid akan penuh dan sesak dengan jemaah Islam, sama ada pada hari Jumaat ataupun majlis-majlis kebesaran Islam. Masyarakat Malaysia pada tahun ini dilihat mempunyai kitab-kitab agama yang banyak, khususnya yang wajib, iaitu kitab Ihya Ulumuddin serta kitab ‘Fitrah dan Amanah’. Masjid-masjid pula sangat aktif menganjurkan program-program kuliah yang disampaikan oleh imam-imam atau tokoh-tokoh ilmuwan tempatan.

Dalam analisis Rajah 11, pengarang memperlihatkan kata fokus dan kata kunci pembangunan Islam (eutopia). Kata fokus eutopia ‘pembangunan Islam’ ini dikelilingi kata kunci ‘Kota Cahaya’, ‘Masjid Perdana Cahaya’, ‘Gerbang Cahaya’, ‘Wisma Cahaya’, ‘tamadun Baghdad’, ‘Masjid Agung’, dan ‘tamadun zaman Abbasiyah dan Moghul’.

Rajah 11: Kata Fokus dan Kata Kunci Sosial Islam (Eutopia)



Antara kata-kata kunci mengenai pembangunan Islam (eutopia) dikeluarkan dan dipersembahkan seperti di bawah, iaitu;

**Masjid Perdana Cahaya** ini... kubahnya berwarna merah jambu dan reka bentuknya berasaskan ukiran tumbuhan... tentunya diilhamkan dari seni ukir tradisional orang Melayu”

(*Baldatun Thoiiyibatun*, 2011, p. 65)

**Kota Cahaya** yang dibina pada lebih dua dekad yang lalu seolah-olah menjadi lambang penanda kebangkitan bangsa Melayu dan kebangkitan semula Islam untuk menginspirasi kepada dunia moden bahawa pemodenan dunia yang berjalan mengikut acuan Barat selama ini, adalah wabak kehancuran kepada maruah dan peradaban manusia”


(*Baldatun Thoiiyibatun*, 2011, p. 77-78)

Melalui kata fokus pembangunan Islam dalam idea futuristik eutopia pengarang, analisis data mendapati bahawa pengarang mengandaikan bahawa pada tahun 2020 wujud pembangunan di Malaysia berteraskan agama Islam seperti Kota Cahaya, Masjid Perdana Cahaya dan Gerbang Cahaya, Masjid Agung dan Wisma Cahaya. Selain itu, wujud juga

bangunan yang digambarkan seperti tamadun Baghdad, tamadun Abbasiyah dan Mughal (Moghul). Pembangunan ini wujud sebagai lambang keagungan Islam di Malaysia.

Dalam analisis Rajah 12, pengarang memperlihatkan kata fokus dan kata kunci pendidikan Islam (eutopia). Kata fokus eutopia ‘pendidikan Islam’ ini dikelilingi kata kunci ‘menghasilkan mukmin sejati’, ‘menanam dan menyemai hikmah Quran dan Hadis’, dan ‘subjek agama tetap terus wajib dipelajari’.

Rajah 12: Kata Fokus dan Kata Kunci Pendidikan Islam (Eutopia)



Antara kata-kata kunci pendidikan Islam (eutopia) dikeluarkan dan dipersembahkan seperti di bawah, iaitu:

“... menghasilkan **mukmin sejati** adalah visi, misi dan matlamat yang paling utama dalam pendidikan Malaysia sekarang.”

(*Baldatun Thoiiyibatun*, 2011, p. 137)

Dalam halaman ini, pengarang memperlihatkan pendidikan berteraskan Islam di Malaysia adalah pendidikan yang paling utama untuk melahirkan generasi mukmin yang sejati.

“Di universiti, walaupun mereka ada bidang pengkhususan, namun subjek **agama tetap terus wajib** dipelajari atau dikaji sehingga kepada peringkat yang lebih tinggi”

(*Baldatun Thoiiyibatun*, 2011, p. 145)

Dalam halaman ini, pengarang menggambarkan pendidikan Islam akan menjadi mata pelajaran wajib sehingga ke institusi pengajian tinggi. Melalui kata fokus pendidikan Islam dalam idea futuristik eutopia pengarang, kajian ini mendapati pengarang mengandaikan pada tahun 2020 Malaysia akan melahirkan mukmin sejati apabila pendidikan awal kanak-kanak berlandaskan pembelajaran al-Quran dan Hadis. Sistem pendidikan ini secara tidak langsung melahirkan ramai penghafaz al-Quran dan Hadis pada peringkat remaja. Di universiti pula, pengajian agama Islam masih diteruskan.

Kesimpulannya, hasil analisis konsep futuristik utopia (eutopia) dalam novel mendapati konsep kata kunci futuristik ini merangkumi aspek politik, ekonomi, sosial, pembangunan, pendidikan, bahasa dan aspek agama Islam. Aspek agama dalam novel ini mempunyai pecahan, iaitu aspek politik Islam ekonomi Islam, sosial Islam, pembangunan

Islam dan pendidikan Islam yang mempengaruhi konsep futuristik pengarang. Gambaran masa hadapan yang didasari oleh fakta sejarah contohnya Kota Madinah yang sememangnya merupakan kota suci Islam yang kedua dan pelbagai lagi bukti sejarah yang digunakan oleh pengarang. Selain itu, sandaran-sandaran sejarah dan keagamaan juga disandarkan dengan buku rujukan (nota kaki) yang boleh dilihat di halaman terakhir dalam subtajuk dalam novel ini. Secara tidak langsung, pengarang menerapkan nilai tradisi dan agama yang diamalkan oleh sesebuah negara dalam konsep futuristik eutopianya, iaitu agama Islam di Malaysia yang menjadi agama rasmi. Kesan pemodenan juga diasimilasi dengan adat dan budaya agama Islam dalam novel tersebut, contohnya Restoran Malaicin, Muslim Hotel, bangunan-bangunan pentadbiran dan pelbagai lagi gambaran pemodenan dalam karya futuristik pengarang.

## **Kesimpulan**

Aspek agama dilihat melengkapi dan mempengaruhi futuristik eutopia pengarang seperti aspek politik ekonomi sosial, pendidikan dan pembangunan sesuatu bangsa dan negara. Sungguhpun aspek umum futuristik seperti aspek politik, ekonomi, sosial, pendidikan, pembangunan dan bahasa dizahirkan oleh penulis novel, namun aspek umum yang dipengaruhi Islam adalah paling ketara dalam penelitian novel ini. Oleh itu, dapatlah disimpulkan antara konseptual futuristik eutopia pengarang ini secara umumnya dapat dilihat dari segi kandungan futuristik Utopia (Eutopia) yang menceritakan tentang gambaran masa hadapan berdasarkan fakta sejarah. Di samping itu, kandungan futuristik tersebut juga mengadaptasi nilai tradisi dan agama sesebuah negara serta mempunyai kesan pemodenan dan perubahan dalam masyarakat.

Pada masa yang sama juga, pengarang telah melahirkan novel *Baldatun Thoiyyibatun* yang sarat dengan futuristik (utopia) khususnya eutopia Malaysia dengan ideologi-ideologi Islam digambarkan akan berlaku pada masa akan datang. Khalayak pembaca pula akan mentafsir karya pengarang berdasarkan kefahaman mereka sendiri. Untuk mentafsirkan karya pengarang, khalayak sewajarnya mengetahui juga latar belakang pengarang dan fokus penulisan novel secara ringkas. Implikasi yang dapat dilihat daripada kajian ini ialah kefahaman pembaca terhadap futuristik pengarang dapat dijelaskan melalui latar belakang pengarang dan kata kunci yang digunakan dalam novel tersebut. Pengarang-pengarang Malaysia pada masa akan datang boleh merujuk ciri-ciri konseptual futuristik (utopia) pengarang khususnya eutopia sebagai panduan untuk mengarang karya futuristik mereka. Kajian ini juga telah berjaya mengenal pasti kata fokus dan kata kunci futuristik eutopia serta menganalisis kata fokus dan kata kunci dalam merungkai genre futuristik eutopia pengarang.

## **Rujukan**

- Bouet, E. D. (2013). *Hitting the wall : Dystopian metaphors of ideology in science fiction* (Tesis Kedoktoran). Universiti Edinburgh.
- Brady, C. F. (2014). *Fractional prefigurations: Science fiction, utopia, and narrative form* (Tesis Kedoktoran). Universiti Saskatchewan.
- Distopia. (n.d.). In *online etymology dictionary*. Retrieved from [https://www.etymonline.com/word/dystopia?ref=etymonline\\_crossreference](https://www.etymonline.com/word/dystopia?ref=etymonline_crossreference).

- Gulick, A. M. (1991). *The handmaid's tale by margaret atwood: Examining its utopian, dystopian, feminist and postmodernist traditions* (Disertasi Sarjana). Universiti Iowa State.
- Hadiah Perdana Sastera (n.d.). In *Wikipedia*. Retrieved from [https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Hadiah\\_Sastera\\_Perdana\\_Malaysia&direction=next&oldid=4455399](https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Hadiah_Sastera_Perdana_Malaysia&direction=next&oldid=4455399).
- Kamaludin Endol. (2019, Jun 30). *Komunikasi perseorangan* [e-mel dan Facebook Messenger].
- Kamaludin Endol. (n.d.). *About* [Facebook people]. Facebook. Retrieved from <https://www.facebook.com/pelita.dd.kaca/about?section=bio&lst=10000285866847%3A1042789631%3A1565255443>.
- Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2010/2011 (genre novel). (2013, Jan 30). *Dewan Sastera*. Retrieved from <http://dwnsastera.dbp.my/?p=1489>.
- Majlis Buku Kebangsaan Malaysia. (2018, Mei 31). *Sayembara penulisan novel futuristik GAPENA – DBP 2018 Syarat Penyertaan*. [Image attached] [Status update]. Facebook. Retrieved from <https://www.facebook.com/USTMBKM/posts/sayembara-penulisan-novel-futuristikgapena-dbp-2018syarat-penyertaan1-sayembara-779548548908462/>.
- Misran Rokimin. (2009). Pembangunan tamadun Islam akan berulang?: Meneliti novel remaja 1511H [Kombat] Karya Faisal Tehrani (A resurgence of development of Islamic civilization?: Analysis of an adolescent novel 1511H (Kombat) by Faisal Tehrani). *Akademika*, 75(1). <http://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/558/519>.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2007). *Teori konseptual kata kunci* (Edisi kedua). Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2019, Mei). Futuristik dalam naratif sastera: Utopia atau distopia. *Dewan Sastera*, 5, 9-15. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasir, H., & Sintang, S. (2018). Kajian futuristik dan hubungannya dengan pembangunan peradaban Islam di Malaysia, *e-Bangi*, 15(2), 89-105. Retrieved from <http://journals.ukm.my/ebangi/view/26776/8231>.
- Pelita Di Dalam Kaca. (2011). *Baldatun Thoiiyibatun*. Pustaka Kanzun Mahfiyyan.
- Pustaka Kanzun Mahfiyyan. (n.d.). *Home* [Facebook page]. Retrieved from <https://www.facebook.com/pages/category/Publisher/Pustaka-Kanzun-Mahfiyyan-133270150065054/>.
- Raja Rajeswari Seetha Raman. (2015). *Simbol dalam Cerpen-cerpen Anwar Ridhwan: Kajian Konseptual Kata Kunci*. (Tesis Kedoktoran). Universiti Malaya.
- Rohayati Junaidi. (2014, November 18). Menuju ke arah kesempurnaan agama dalam novel baldatun thoiiyibatun warabbun ghafuur. *No Pain No Gain*. Retrieved from <http://rohayatijunaidi.over-blog.com/2014/11/abstrak-kajian-ini-meneliti-tentang-konsep-konsep-Islam-yang-meliputi-akidah-ibadah-khalifah-dakwah-dan-jihad-dalam-novel-baldatun-t>.
- Rohayati Junaidi. (2019, Jun 19). Komunikasi perseorangan. *Whatsapp*.

- Sahidan Jaafar. (2018, Mei 27). Ramalan S.M. Zakir. *Utusan Online*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/ramalan-sm-zakir-1.680295>.
- Sayembara novel BH tawar hadiah lumayan. (2017, Julai 31). *BH Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/07/307292/sayembara-novel-bh-tawar-hadiah-lumayan>.
- S.M. Zakir. (2019, Mei). Futuristik dalam naratif sastera: Futuristik mencipta fenomena. *Dewan Sastera*, 5, 16-19. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tawakkal, A., Awang Pawi, A., & Kaur, S. (2019). Ideologi Jokowi Dalam Kemenangan Pemilu 2019: Moden dan Kesatuan Dalam Kepelbagaian Terhadap Indonesia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 380 - 405. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/21839>.
- Utopia. (n.d.). In *online etymology dictionary*. Retrieved from [https://www.etymonline.com/word/utopia#etymonline\\_v\\_4583](https://www.etymonline.com/word/utopia#etymonline_v_4583).
- Vieira, F. (2010). The concept of utopia. In Claeys, G. (Ed.), *The Cambridge Companion to Utopian Literature* (pp. 3-27). Cambridge University Press.
- Zalilah Zainudin. (2007). *Konseptual-Kata Kunci: Aplikasi terhadap cerpen-cerpen karya Keris Mas* (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya.